

## SIKAP TEGAS DIRI DAN KESEDARAN RASUAH DALAM KALANGAN KAKITANGAN AWAM DI MALAYSIA

(SELF-ASSERTIVENESS AND CORRUPTION AWARENESS AMONG PUBLIC SERVANTS IN MALAYSIA)

DASAN, N.<sup>1</sup> – SAWAI, R. P.<sup>2\*</sup> – NAWI, N. H. M.<sup>1</sup> – MEE, S. K. S.<sup>1</sup> – SAWAI, J. P.<sup>1</sup> – SULAIMAN, I. F.<sup>2</sup>

<sup>1</sup> *Fakulti Psikologi dan Kerja Sosial, Universiti Malaysia Sabah, Sabah, Malaysia.*

<sup>2</sup> *Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia.*

*\*Penulis penghubung  
e-mail: norsimahdasan[at]ums.edu.my*

(Received 06<sup>th</sup> December 2025; revised 14<sup>th</sup> March 2026; accepted 27<sup>th</sup> March 2026)

**Abstrak.** Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap sikap asertif dan tahap kesedaran rasuah dalam kalangan penjawat awam di Malaysia serta meneliti hubungan antara kedua-dua pembolehubah tersebut. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif dengan kaedah tinjauan, melibatkan seramai 196 orang penjawat awam yang dipilih melalui persampelan rawak. Soal selidik telah diadaptasi dari Asertif-Rasuah Scale (AR-Scale) dan Corruption Perception Scale. Data dikumpulkan menggunakan soal selidik yang diedarkan secara dalam talian melalui Google Form dan dianalisis menggunakan perisian IBM SPSS versi 31. Analisis data merangkumi statistik deskriptif (min dan sisihan piawai) serta analisis inferensi menggunakan korelasi Pearson. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap sikap asertif dan tahap kesedaran rasuah responden berada pada tahap sederhana. Selain itu, terdapat hubungan yang signifikan secara statistik antara sikap asertif dan kesedaran rasuah, namun kekuatan hubungan tersebut adalah lemah. Dapatan ini mencadangkan bahawa sikap asertif mempunyai peranan dalam membentuk kesedaran terhadap rasuah, namun turut dipengaruhi oleh faktor-faktor lain. Kajian ini memberi implikasi penting terhadap pembangunan diri penjawat awam, perancangan dan pelaksanaan latihan integriti serta pengukuhan dasar kerajaan dalam usaha pencegahan rasuah.

**Katakunci:** *rasuah, rasa bersalah, sikap asertif, Malaysia*

**Abstract.** This study aims to identify the level of self-assertiveness and level of corruption awareness among public servants in Malaysia and examine the relationship between the two variables. This study uses a quantitative design with a survey method, involving 196 public servants selected through random sampling. The questionnaire was adapted from Asertif-Rasuah Scale (AR-Scale) and Corruption Perception Scale. Data were collected using a questionnaire distributed online via Google Form and analyzed using IBM SPSS version 31 software. Data analysis includes descriptive statistics (mean and standard deviation) and inferential analysis using Pearson correlation. The study findings show that the level of self-assertiveness and level of corruption awareness of respondents are at a moderate level. In addition, there is a statistically significant relationship between self-assertiveness and corruption awareness, but the strength of the relationship is weak. This finding suggests that self-assertiveness has a role in shaping awareness of corruption, but is also influenced by other factors. This study has important implications for the self-development of civil servants, the planning and implementation of integrity training and the strengthening of government policies in corruption prevention efforts.

**Keywords:** *corruption, self-assertiveness, awareness, public servants, Malaysia*

### Pengenalan

Gejala rasuah kekal sebagai cabaran utama dalam membentuk sistem tadbir urus yang berintegriti dan berkesan di sektor awam, bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di

peringkat global (TIM, 2025). Menurut Indeks Persepsi Rasuah (Corruption Perceptions Index (CPI)) 2024 yang dikeluarkan oleh Transparency International, Malaysia merekodkan skor 50 daripada 100 dan berada di kedudukan ke-57 dunia dari 180 negara yang terlibat. Ini menunjukkan bahawa persepsi terhadap rasuah masih berada pada tahap sederhana dan memerlukan penyedekatan lebih sistematik secara berterusan untuk penambahbaikan. Skor CPI tersebut persepsi masyarakat bahawa rasuah merupakan isu serius yang yang perlu ditangani secara menyeluruh. CPI turut melaporkan bahawa amalan rasuah berlaku merentas sektor, termasuk sektor awam, yang dikenal pasti sebagai penyumbang utama kepada kes tangkapan berkaitan rasuah berdasarkan data SPRM bagi tahun 2023. Statistik rasmi menunjukkan peningkatan jumlah tangkapan, dengan lebih 1,100 individu ditahan di seluruh negara, termasuk penjawat awam yang terlibat dalam pelbagai bentuk salah laku rasuah. Kepercayaan awam terhadap institusi kerajaan boleh terhakis apabila rasuah berleluasa, dan implikasinya bukan sekadar kerugian ekonomi, malah merangkumi penurunan tahap keyakinan dan menjejaskan serta kredibiliti dalam penyampaian perkhidmatan awam. Dari sudut ekonomi, laporan media menunjukkan bahawa ketirisan dan amalan rasuah telah mengakibatkan kerugian kewangan yang meperkukuhkan hujah bahawa rasuah memberi kesan negatif yang signifikan terhadap pembangunan dan kesejahteraan negara (The Star, 2025).

Usaha pembanteras rasuah di Malaysia merangkumi pelbagai pendekatan termasuk penguatkuasaan undang-undang, pelaksanaan strategi pencegahan nasional, serta peranan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebagai agensi utama dalam menangani isu tersebut. Walaupun Malaysia mencatatkan peningkatan sederhana dalam skor Indeks Persepsi Rasuah (CPI), dapatan kajian terdahulu menunjukkan bahawa rasuah masih bersifat struktural dan dipengaruhi oleh kelemahan sistem kawalan dalaman, amalan tadbir urus, serta konflik nilai dan etika dalam kalangan individu dalam sektor awam dan masyarakat umum (TIM, 2023; Chetwynd et al., 2003). Dari perspektif psikologi sosial, sikap asertif dikenalpasti sebagai satu konstruk penting yang berpotensi berfungsi sebagai mekanisme pelindung dalaman individu dalam menolak tekanan atau tawaran yang tidak beretika, termasuk perlakuan rasuah. Sikap asertif merujuk kepada keupayaan seseorang untuk menyatakan pendirian dan membuat keputusan secara tegas serta beretika tanpa menjejaskan hak pihak lain. Individu yang memiliki sikap asertif yang tinggi cenderung untuk bertindak secara berprinsip dalam situasi berisiko, memberi maklum balas yang jelas terhadap permintaan tidak wajar, dan memainkan peranan aktif dalam memupuk budaya integriti di sektor awam (Alberti dan Emmons, 2017). Seiring dengan penekanan kepada aspek nilai moral dan etika individu dalam strategi pencegahan rasuah, kajian yang meneliti hubungan antara sikap asertif dengan kesedaran serta tingkah laku berkaitan rasuah dalam kalangan penjawat awam adalah relevan untuk dikaji. Kajian ini bukan sahaja memperluas dapatan literatur pencegahan rasuah, malah mencadangkan pendekatan yang melengkapi usaha luaran seperti penguatkuasaan undang-undang melalui penguatan nilai dalaman dan keupayaan psikososial penjawat awam

### ***Pernyataan masalah***

Rasuah dalam sektor awam kekal sebagai isu kritikal yang menjejaskan integriti pentadbiran dan kepercayaan masyarakat terhadap institusi kerajaan. Walaupun Malaysia telah melaksanakan pelbagai inisiatif pencegahan rasuah termasuk penguatan perundangan, penubuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), serta pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional, tahap persepsi rasuah masih

berada pada tahap sederhana. Laporan CPI oleh Transparency International menunjukkan bahawa skor Malaysia belum mencerminkan kemajuan yang konsisten ke arah tadbir urus yang bebas rasuah, sekali gus menandakan bahawa pendekatan sedia ada masih belum mencukupi untuk menangani isu ini secara menyeluruh (TIM, 2025). Keadaan ini menimbulkan keperluan untuk menilai semula keberkesanan strategi pencegahan rasuah yang terlalu bergantung kepada mekanisme penguatkuasaan luaran. Kajian lepas menunjukkan bahawa rasuah bukan semata-mata berpunca daripada kelemahan sistem dan struktur organisasi, malah turut dipengaruhi oleh faktor individu seperti nilai moral, keberanian etika, dan keupayaan menentang tekanan sosial di tempat kerja (Rosli et al., 2015; Ashforth dan Anand, 2003). Dalam konteks perkhidmatan awam, penjawat awam sering berhadapan dengan konflik kepentingan, tekanan hierarki, serta norma organisasi yang berpotensi mendorong kepada perlakuan tidak beretika. Namun demikian, kebanyakan kajian pencegahan rasuah di Malaysia masih cenderung menumpukan kepada aspek dasar, perundang dan mekanisme kawalan formal, manakala peranan faktor psikologi individu sebagai benteng dalaman kurang diberi perhatian secara empirikal.

Salah satu konstruk psikologi yang berpotensi berfungsi sebagai faktor perlindungan dalaman ialah sikap asertif, iaitu keupayaan individu untuk menyatakan pendirian secara tegas, rasional dan beretika tanpa menjejaskan hak pihak lain (Alberti dan Emmons, 2017). Individu yang mempunyai tahap asertif yang tinggi didapati lebih berupaya menolak permintaan tidak wajar, mengurus tekanan sosial, serta bertindak selaras dengan prinsip integriti (Speed et al., 2018). Walau bagaimanapun, kajian empirikal yang meneliti hubungan antara sikap asertif dan kesedaran rasuah dalam kalangan penjawat awam di Malaysia masih terhad, khususnya dalam konteks budaya kerja yang bersifat hierarki dan kolektif. Kekurangan bukti empirikal ini mewujudkan jurang pengetahuan yang signifikan serta membataskan pembangunan strategi pencegahan rasuah yang lebih holistik dan berteraskan pembangunan nilai dalaman penjawat awam.

### ***Objektif kajian dan persoalan kajian***

Kajian ini bertujuan untuk meneliti peranan sikap asertif sebagai faktor dalaman dalam meningkatkan kesedaran terhadap isu rasuah dalam kalangan penjawat awam di Malaysia. Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk: (1) Mengenalpasti tahap sikap asertif dalam kalangan penjawat awam di Malaysia; (2) Mengenalpasti tahap kesedaran rasuah dalam kalangan penjawat awam di Malaysia; (3) Menganalisis hubungan antara sikap asertif dan kesedaran rasuah dalam kalangan penjawat awam di Malaysia. Berdasarkan objektif kajian yang telah digariskan, persoalan kajian ini adalah seperti berikut: (1) Apakah tahap sikap asertif dalam kalangan penjawat awam di Malaysia? (2) Apakah tahap kesedaran rasuah dalam kalangan penjawat awam di Malaysia? (3) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara sikap asertif dan kesedaran rasuah dalam kalangan penjawat awam di Malaysia?

### ***Teori kajian dan sorotan literatur***

Kajian ini adalah berlandaskan kepada Teori Tingkah Laku Terancang (Theory of Planned Behavior, (TPB)) yang diperkenalkan oleh Ajzen (1991). Teori ini menjelaskan bahawa tingkah laku individu dipengaruhi oleh niat, yang terbentuk melalui sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif, dan kawalan tingkah laku yang dirasakan.

Dalam konteks kajian ini, kesedaran rasuah difahami sebagai hasil penilaiaan kognitif dan moral individu terhadap sesuatu perbuatan sama ada dianggap beretika atau sebaliknya. Manakala, sikap asertif berfungsi sebagai elemen kawalan dalaman yang memperkukuh keupayaan individu untuk bertindak selaras dengan niat beretika walaupun berhadapan dengan tekanan sosial atau hierarki organisasi. Penjawat awam yang memiliki tahap asertif yang tinggi dijangka lebih berupaya mengawal tingkah laku mereka dan menolak perlakuan rasuah, selaras dengan komponen *perceived behavioral control* dalam TPB. Selain itu, kajian ini turut disokong oleh Teori Pembelajaran Sosial yang diperkenalkan oleh Bandura dan Walters (1977). Berdasarkan teori ini tingkah laku etika dan tidak beretika dipelajari melalui pemerhatian, peniruan dan pengukuhan dalam persekitaran sosial. Dalam konteks organisasi sektor awam yang bersifat hierarki, norma kerja dan contoh tingkah laku rakan sekerja atau pihak atasan memainkan peranan penting dalam membentuk kesedaran dan respons individu terhadap rasuah. Dalam hal ini, sikap asertif membolehkan penjawat awam menilai secara kritikal tingkah laku yang diperhatikan dan tidak sekadar menirunya, sekali gus bertindak sebagai mekanisme pelindung terhadap normalisasi rasuah dalam organisasi. Oleh itu, gabungan Teori Tingkah Laku Terancang dan Teori Pembelajaran Sosial menyediakan asas teori yang komprehensif untuk memahami bagaimana faktor psikologi individu dan pengaruh sosial saling berinteraksi dalam membentuk kesedaran rasuah dalam kalangan penjawat awam.

Sikap asertif telah lama dikenalpasti sebagai satu kemahiran psikososial yang penting dalam membantu individu menegakkan hak, menyatakan pendirian dan membuat keputusan beretika tanpa melanggar hak orang lain (Alberti dan Emmons, 1970). Dalam konteks organisasi, asertiviti dikaitkan dengan keupayaan pekerja untuk menangani konflik, menolak tekanan yang tidak wajar, serta menyuarakan kebimbangan terhadap amalan tidak beretika di tempat kerja (Speed et al., 2018). Kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa pekerja yang memiliki tahap asertif yang tinggi lebih cenderung untuk menunjukkan keberanian moral dan bertindak secara konsisten dengan nilai integriti, walaupun berhadapan dengan tekanan hierarki atau norma organisasi yang negatif (O'donovan dan Mcauliffe, 2020). Dalam sektor awam, persekitaran kerja yang bersifat birokratik dan hierarki sering mewujudkan situasi di mana pekerja berhadapan dengan dilema etika dan konflik kepentingan. Ashforth dan Anand (2003) menegaskan bahawa rasuah boleh menjadi satu amalan yang dinormalisasikan dalam organisasi apabila pekerja gagal menentang tingkah laku tidak beretika yang berlaku secara berulang. Dalam situasi ini, kekurangan sikap asertif boleh menyebabkan pekerja memilih untuk berdiam diri atau menurut arahan tidak wajar, sekali gus menyumbang kepada kesinambungan amalan rasuah. Sebaliknya, pekerja yang bersikap asertif lebih berupaya menolak permintaan yang bercanggah dengan etika serta menyuarakan kebimbangan secara profesional.

Kesedaran rasuah pula merujuk kepada tahap pengetahuan, kepekaan moral dan kefahaman individu terhadap implikasi rasuah serta kesediaan untuk menentang atau melaporkan perlakuan tersebut (Rose-Ackerman dan Palifka, 2016). Kajian menunjukkan bahawa tahap kesedaran rasuah yang tinggi dalam kalangan pekerja berkait rapat dengan sikap negatif terhadap rasuah dan penolakan terhadap rasionalisasi tingkah laku tidak beretika (Gorsira et al., 2018). Dalam konteks sektor awam, kesedaran rasuah juga dipengaruhi oleh pengalaman kerja, pendedahan kepada latihan integriti, serta budaya organisasi yang menekankan akauntabiliti dan ketelusan (Pillay, 2004). Walaupun banyak kajian meneliti kesedaran rasuah dari sudut dasar, sistem

kawalan dan penguatkuasaan undang-undang, kajian yang mengaitkan kesedaran rasuah dengan faktor psikologi individu seperti sikap asertif masih terhad, terutamanya dalam konteks negara membangun termasuk Malaysia. Rosli et al. (2015) menegaskan bahawa keberkesanan sistem integriti sektor awam bukan sahaja bergantung kepada mekanisme luaran, tetapi juga kepada kekuatan nilai dalaman dan keberanian individu untuk bertindak secara beretika. Oleh itu, meneliti hubungan antara sikap asertif dan kesedaran rasuah adalah penting bagi memahami bagaimana faktor dalaman individu boleh berfungsi sebagai pelindung terhadap penglibatan dalam amalan rasuah. Secara keseluruhan, sorotan literatur menunjukkan bahawa sikap asertif berpotensi memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran rasuah dan menghalang normalisasi tingkah laku tidak beretika di tempat kerja. Namun, kekurangan kajian empirikal yang menguji hubungan kedua-dua konstruk ini dalam kalangan penjawat awam menimbulkan jurang pengetahuan yang signifikan. Justeru, kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada literatur sedia ada dengan menyediakan bukti empirikal tentang peranan sikap asertif sebagai faktor dalaman dalam pencegahan rasuah di sektor awam

### **Instrumen dan Metod Kajian**

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif dengan pendekatan tinjauan keratan rentas bagi mengenalpasti tahap sikap asertif dan kesedaran rasuah serta hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut dalam kalangan penjawat awam di Malaysia. Reka bentuk tinjauan dipilih kerana ia sesuai untuk mengumpul data secara sistematik daripada sampel yang besar dalam tempoh masa yang singkat, di samping membolehkan analisis statistik dijalankan bagi menguji hubungan antara pemboleh ubah kajian. Populasi kajian ini terdiri daripada penjawat awam di Malaysia. Seramai 196 orang responden telah dipilih sebagai sampel kajian menggunakan kaedah pensampelan rawak mudah, yang memberi peluang sama rata kepada setiap individu dalam populasi sasaran untuk terlibat dalam kajian ini. Kaedah ini dipilih bagi meminimumkan bias pemilihan sampel dan meningkatkan kebolehwakilan data. Dari segi justifikasi saiz sampel, jumlah responden ini adalah memadai berdasarkan cadangan oleh Krejcie dan Morgan (1970), yang menyatakan bahawa saiz sampel sekitar 196–200 orang adalah mencukupi untuk populasi besar bagi kajian tinjauan. Selain itu, saiz sampel ini juga memenuhi keperluan minimum untuk analisis korelasi, yang memerlukan bilangan responden yang mencukupi bagi menghasilkan keputusan statistik yang stabil dan boleh dipercayai.

Instrumen kajian berbentuk soal selidik berstruktur yang mengandungi tiga bahagian utama. Bahagian A merangkumi maklumat demografi responden seperti jantina, tempoh perkhidmatan dan tahap pendidikan. Bahagian B bertujuan mengukur tahap sikap asertif menggunakan Skala Asertif Rasuah (AR-Scale) yang telah diadaptasi dari The Assertiveness Inventory yang dibangunkan oleh Alberti dan Emmons (1970) dengan menyesuaikan item berlandaskan konteks rasuah. Soal selidik bertujuan untuk mengukur tahap keupayaan individu, khususnya penjawat awam, dalam menyatakan pendapat, membuat keputusan dan mempertahankan prinsip etika secara tegas tanpa melanggar norma sosial atau peraturan organisasi. Bahagian C pula menggunakan Corruption Perception Scale (CPS) yang dibangunkan oleh TIM (1995) bagi mengukur tahap kesedaran dan persepsi responden terhadap rasuah. Skala ini menilai kefahaman, kepekaan dan sikap individu terhadap amalan rasuah dalam konteks organisasi dan sektor awam. Manakaladata yang dikumpulkan dianalisis menggunakan perisian

statistic IBM SPSS Versi 30. Analisis deskriptif melibatkan pengiraan min dan sisihan piawai digunakan bagi mengenalpasti tahap sikap asertif dan kesedaran rasuah dalam kalangan responden. Seterusnya, analisis korelasi Pearson digunakan untuk mengenalpasti hubungan antara sikap asertif dan kesedaran rasuah. Tahap signifikan statistik ditetapkan pada nilai  $p < .05$ .

### Dapatan dan Perbincangan Kajian

Demografi responden yang menyertai kajian ini adalah sebagaimana dalam *Jadual 1*. Berdasarkan *Jadual 1*, kajian ini melibatkan 196 orang penjawat awam sebagai responden. Dari segi jantina, majoriti responden adalah perempuan iaitu seramai 127 orang (64.8%), manakala lelaki berjumlah 69 orang (35.2%). Keputusan ini menunjukkan bahawa sampel kajian mempunyai representasi yang lebih tinggi daripada pekerja wanita dalam populasi sasaran. Bagi tahun perkhidmatan, hampir separuh responden (49.5%,  $n = 97$ ) mempunyai pengalaman bekerja antara 10 hingga 19 tahun, diikuti oleh 28.6% ( $n = 56$ ) yang berkhidmat antara 20 hingga 34 tahun, 19.4% ( $n = 38$ ) yang baru berkhidmat 1 hingga 9 tahun, dan hanya 2.5% ( $n = 5$ ) yang mempunyai tempoh perkhidmatan antara 35 hingga 45 tahun. Keputusan ini menunjukkan bahawa sebahagian besar penjawat awam yang terlibat dalam kajian adalah pekerja berpengalaman sederhana hingga lama, yang berpotensi mempunyai pemahaman dan pengalaman terhadap isu etika dan integriti di tempat kerja. Dari segi tahap pendidikan, responden mempunyai tahap pendidikan yang pelbagai. Sebanyak 20.9% masing-masing mempunyai Diploma dan Sarjana Muda, diikuti Sarjana (18.9%), Doktor Falsafah (12.8%), SPM (14.3%), STPM (6.6%), dan Sijil (5.6%). Huraian ini menunjukkan bahawa sampel kajian mempunyai profil pendidikan yang tinggi secara keseluruhan, dengan majoriti mempunyai sekurang-kurangnya kelulusan Diploma dan Sarjana Muda, yang mungkin mempengaruhi tahap kesedaran etika dan sikap profesional mereka. Secara keseluruhan, profil demografi ini mencerminkan kepelbagaian jantina, pengalaman kerja, dan tahap pendidikan dalam kalangan penjawat awam, yang membolehkan dapatan kajian memberikan gambaran yang representatif tentang populasi sasaran.

*Jadual 1. Demografi responden kajian.*

Perkara	Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina		
Lelaki	69	35.2
Perempuan	127	64.8
Tahun Perkhidmatan		
1-9 tahun	38	19.4
10-19 tahun	97	49.5
20-34 tahun	56	28.6
35-45 tahun	5	2.5
Tahap Pendidikan		
SPM	28	14.3
STPM	13	6.6
Sijil	11	5.6
Diploma	41	20.9
Sarjana Muda	41	20.9
Sarjana	37	18.9

### ***Tahap sikap asertif penjawat awam***

Berdasarkan analisis deskriptif, nilai min keseluruhan bagi skala sikap asertif adalah 2.95 dengan sisihan piawai 0.38. Skala yang digunakan ialah skala Likert 5 mata, di mana 1 menunjukkan “tidak setuju” dan 5 menunjukkan “sangat setuju”. Berdasarkan kategori tiga tahap iaitu rendah, sederhana dan tinggi yang digunakan dalam kajian ini, nilai min 2.95 tergolong dalam tahap sederhana. Keputusan ini menunjukkan bahawa secara purata, penjawat awam mempunyai kemampuan untuk menyatakan pendirian mereka secara sederhana tegas, mampu menolak permintaan yang tidak wajar, dan mempertahankan hak mereka tanpa menjejaskan hak orang lain. Sisihan piawai yang rendah menunjukkan bahawa tahap asertif responden adalah agak konsisten, dengan majoriti berada berhampiran purata keseluruhan. Tahap asertif sederhana ini sejajar dengan kajian terdahulu yang menekankan bahawa sikap asertif adalah kemahiran penting dalam mengurus konflik, tekanan sosial, dan dilema etika di tempat kerja (Speed et al., 2018; Alberti dan Emmons, 2017). Dalam konteks penjawat awam, peningkatan tahap asertif boleh menyokong keberanian moral dan pengambilan keputusan beretika, yang merupakan asas kepada pengukuhan integriti individu di tempat kerja (O’donovan dan McAuliffe, 2020).

### ***Tahap kesedaran rasuah penjawat awam***

Analisis deskriptif menunjukkan bahawa nilai min keseluruhan bagi kesedaran rasuah adalah 3.44, dengan sisihan piawai 0.36, termasuk dalam kategori tahap sederhana. Keputusan ini menunjukkan bahawa penjawat awam secara purata sedar tentang isu rasuah, kesannya terhadap integriti organisasi dan kepercayaan awam, serta keperluan untuk menolak dan melaporkan perlakuan rasuah, namun tahap kesedaran ini masih belum mencapai tahap tinggi. Tahap kesedaran rasuah sederhana ini konsisten dengan kajian terdahulu yang menunjukkan bahawa walaupun penjawat awam menyedari implikasi negatif rasuah, faktor organisasi seperti norma kerja, tekanan hierarki dan konflik kepentingan boleh menjejaskan keberanian mereka untuk menentang amalan rasuah secara aktif (Gorsira et al., 2018; Rose-Ackerman dan Palifka, 2016). Oleh itu, keputusan ini menekankan keperluan bagi program pendidikan etika, pembangunan nilai dalaman, dan latihan kesedaran integriti dalam kalangan penjawat awam (Rosli et al., 2015).

### ***Hubungan antara sikap asertif dan kesedaran rasuah***

Berdasarkan analisis korelasi Pearson, terdapat hubungan positif yang lemah tetapi signifikan antara sikap asertif dan kesedaran rasuah ( $r = .273$ ,  $p < .05$ ). Dapatan ini menunjukkan bahawa penjawat awam yang memiliki tahap sikap asertif yang lebih tinggi cenderung mempunyai tahap kesedaran rasuah yang lebih baik. Walaupun korelasi ini tergolong lemah, ia tetap signifikan secara statistik dan menunjukkan bahawa sikap asertif merupakan salah satu faktor dalaman yang menyokong kesedaran etika dalam kalangan penjawat awam. Penemuan ini selari dengan kajian terdahulu yang menyatakan bahawa individu yang bersikap asertif lebih berupaya mempertahankan pendirian etika, menolak tekanan sosial serta tidak terpengaruh dengan norma organisasi yang bercanggah dengan prinsip integriti (Speed et al., 2018; Alberti dan Emmons, 2017; Ashforth dan Anand, 2003). Selain itu, dapatan kajian

menyokong andaian teori Tingkah Laku Terancang (Ajzen, 1991) dan Teori Pembelajaran Sosial (Bandura, 1977), yang menekankan peranan faktor psikologi individu dalam menilai dan bertindak balas terhadap tingkah laku yang diperhatikan dalam persekitaran sosial. Dalam konteks ini, sikap asertif membolehkan individu menilai secara kritikal tekanan dan pengaruh sosial sebelum membuat keputusan beretika. Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap asertif yang sederhana dalam kalangan penjawat awam mempunyai hubungan positif dengan tahap kesedaran rasuah, sekaligus menekankan kepentingan pembangunan kemahiran asertif dan pengukuhan intervensi berasaskan nilai etika sebagai sebahagian dari strategi pencegahan rasuah yang lebih menyeluruh dalam sektor awam.

### ***Implikasi dan cadangan***

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap sikap asertif dan kesedaran rasuah dalam kalangan penjawat awam berada pada tahap sederhana. Justeru, dapatan ini mencerminkan bahawa penjawat awam mempunyai kefahaman asas dan keupayaan untuk bertindak secara beretika. Walau bagaimanapun, masih belum cukup kukuh untuk mendorong tindakan yang lebih proaktif dalam menangani salah laku atau perlakuan rasuah di tempat kerja. Berkemungkinan latihan sedia ada dan program pembangunan sedia ada cenderung menekankan aspek pengetahuan berbanding pembentukan kemahiran tingkah laku, khususnya keupayaan untuk menyuarakan pendirian, menolak arahan tidak beretika dan melaporkan salah laku secara yakin. Hubungan yang lemah antara sikap asertif dan kesedaran rasuah menunjukkan bahawa sikap asertif bukan satu-satunya faktor yang mempengaruhi tahap kesedaran atau kepekaan terhadap isu rasuah. Dapatan ini memberi implikasi bahawa usaha sikap asertif semata-mata tidak mencukupi untuk memperkukuh kesedaran rasuah secara menyeluruh. Sebaliknya, ia perlu disokong oleh faktor lain seperti penghayatan nilai integriti individu, budaya organisasi, amalan kepimpinan beretika, dan keberkesanan sistem sokongan institusi, termasuk mekanisme perlindungan pemberi maklumat. Selain itu, dapatan kajian menegaskan keperluan untuk memperkukuh program pencegahan rasuah sedia ada dengan memasukkan elemen pembangunan kemahiran psikososial, khususnya latihan asertif berasaskan situasi kerja sebenar dan dilema etika yang lazim dihadapi oleh penjawat awam. Program kesedaran rasuah yang terlal berfokus kepada aspek peraturan dan hukuman mungkin kurang berkesan sekiranya tidak disertai dengan usaha membina keyakinan diri dan kemahiran komunikasi interpersonal, serta keupayaan membuat keputusan beretika dalam konteks tekanan organisasi dan hierarki kerja. Bagi memperluas dan memperdalam pemahaman terhadap dapatan kajian ini, penyelidikan masa hadapan disarankan menggunakan pendekatan kualitatif atau reka bentuk kaedah campuran. Pendekatan tersebut berpotensi menjelaskan dengan lebih mendalam bagaimana sikap asertif diterjemahkan (atau terhalang) dalam amalan sebenar, khususnya berkaitan pelaporan dan penentangan terhadap rasuah dalam persekitaran kerja sektor awam.

### **Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa tahap sikap asertif dan kesedaran rasuah dalam kalangan responden berada pada tahap sederhana, menunjukkan kewujudan kesedaran dan keupayaan asas untuk bertindak secara beretika. Namun demikian, tahap tersebut masih belum mencukupi untuk mendorong tindakan yang

konsisten dan proaktif dalam mencegah perlakuan rasuah. Hubungan yang signifikan tetapi lemah antara sikap asertif dan kesedaran rasuah menandakan bahawa kedua-dua konstruk ini saling berkaitan, namun pengaruhnya adalah terhad dan dipengaruhi oleh faktor lain yang lebih luas seperti budaya organisasi, nilai moral individu dan sokongan institusi. Sehubungan itu, usaha pencegahan rasuah perlu dilaksanakan secara holistik dengan mengintegrasikan pembangunan kemahiran asertif, pengukuhan nilai integriti serta pembudayaan persekitaran kerja yang menyokong amalan beretika.

### **Penghargaan**

Kajian ini telah dijalankan dengan sokongan dari Geran Kerjasama USIM-UMS, kod projek GKP2302.

### **Konflik Kepentingan**

Pengarang mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan melibatkan mana-mana pihak dalam kajian penyelidikan ini.

### **RUJUKAN**

- [1] Ajzen, I. (1991): The theory of planned behavior. – *Organizational Behavior and Human Decision Processes* 50(2): 179-211.
- [2] Alberti, R., Emmons, M. (2017): *Your perfect right: Assertiveness and equality in your life and relationships*. – New Harbinger Publications 328p.
- [3] Alberti, R.E., Emmons, M.L. (1970): *Your perfect right: A guide to assertive behavior*. – Impact Publishers 193p.
- [4] Ashforth, B.E., Anand, V. (2003): The normalization of corruption in organizations. – *Research in Organizational Behavior* 25: 1-52.
- [5] Bandura, A., Walters, R.H. (1977): *Social learning theory*. – Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall 1: 33-52.
- [6] Chetwynd, E., Chetwynd, F., Spector, B. (2003): Corruption and poverty: A review of recent literature. – *Management Systems International* 600: 5-16.
- [7] Gorsira, M., Denkers, A., Huisman, W. (2018): Both sides of the coin: Motives for corruption among public officials and business employees. – *Journal of Business Ethics* 151(1): 179-194.
- [8] Krejcie, R.V., Morgan, D.W. (1970): Determining sample size for research activities. – *Educational and Psychological Measurement* 30(3): 607-610.
- [9] O'donovan, R., Mcauliffe, E. (2020): A systematic review of factors that enable psychological safety in healthcare teams. – *International Journal for Quality in Health Care* 32(4): 240-250.
- [10] Pillay, S. (2004): Corruption—the challenge to good governance: a South African perspective. – *International Journal of Public Sector Management* 17(7): 586-605.
- [11] Rose-Ackerman, S., Palifka, B.J. (2016): *Corruption and government: Causes, consequences, and reform*. – Cambridge University Press 644p.
- [12] Rosli, M.H., bin Abd Aziz, M.A., Mohd, F., Said, J. (2015): Integrity systems in Malaysian public sector: an empirical finding. – *Procedia Economics and Finance* 28: 260-265.
- [13] Speed, B.C., Goldstein, B.L., Goldfried, M.R. (2018): Assertiveness training: A forgotten evidence-based treatment. – *Clinical Psychology: Science and Practice* 25(1): 20p.

- [14] The Star (2025): Malaysia's GDP down RM277bil due to corruption, says MACC chief. – The Star Web Portal 8p.
- [15] Transparency International Malaysia (TIM) (2025): Corruption Perceptions Index 2024. – Transparency International Malaysia Web Portal 12p.
- [16] Transparency International Malaysia (TIM) (2023). Corruption perceptions index 2023. – Transparency International Malaysia Web Portal 26p.
- [17] Transparency International Malaysia (TIM) (1995). Corruption perceptions index 1995. – Transparency International Malaysia Web Portal 6p.